

Program Jalinan Kerjasama

# Laporan Program Arus Academy bersama JPN Perlis

2021

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis

ARUS

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Kata Alu-Aluan | 1 |
| Rumusan Eksekutif | 4 |
| Profil Peserta Bengkel | 5 |
| Keseluruhan Program | 8 |
| Rumusan Kajian | 11 |
| STEM | 12 |
| Literasi Kewangan | 19 |
| Literasi Media dan Maklumat | 31 |
| Kewarganegaraan Global | 37 |


ARUS ACADEMY

01

# KATA ALU-ALUAN

Sejak penubuhan pada 2015 oleh 4 orang alumni Teach for Malaysia dan bekas guru, Arus telah giat menjalankan pelbagai program pendidikan untuk komuniti pendidik dan murid. Pada pemulanya, Arus hanya menjalankan program di sekitar Pulau Pinang dan dalam penulisan modul untuk tujuan kegunaan kebangsaan. 2016 merupakan tahun pertama Arus meluaskan operasinya ke zon tengah dengan penubuhan pejabat di Shah Alam.

Namun begitu, Arus ada hasrat besar untuk bertambah lagi usahanya untuk memanfaatkan lebih banyak guru dan murid, terutamanya dengan bekerjasama rapat dengan jabatan pendidikan negeri dan juga pejabat pendidikan daerah.

Pada penghujung tahun 2019, pihak Arus bekerjasama dengan JPN Perlis buat kali pertama untuk dua program, satu untuk guru dan satu lagi untuk murid. Ini adalah kali pertama Arus menjalankan program kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri selain daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.



# 02

Program Project DEAL (Digital Environment for Accelerated Learning) di mana pihak kami telah melatih 30 orang guru Perlis dalam penghasilan video pendidikan untuk tujuan PDPC. Kebetulan juga, kemahiran yang pada masa itu dijalankan untuk membina kapasiti guru menjadi kemahiran wajib bagi kebanyakkan guru semasa wabak COVID melanda dunia bermula tahun 2020.

Program yang kedua adalah program kem literasi kewangan - Kem Fun(d) For Life yang berlangsung di SK Putra, Kangar untuk 30 orang murid. Kem ini adalah amat penting dalam sejarah Arus kerana inilah kali pertama Arus menjalankan program literasi kewangan dan ini juga merupakan kali pertama Arus menyertai karnival kewangan anjuran Bank Negara Malaysia.



# 03

Kedua-dua program ini boleh dikatakan menjadi pendahulu kepada kerjasama yang lebih rapat bersama dengan JPN Perlis. Pada Mei tahun 2021, hasilan perbincangan rapat antara pihak Arus, bermulalah program Arus bersama pihak JPN Perlis dalam usaha untuk menyokong hasrat JPN Perlis untuk menghasilkan guru dan murid yang kalis cabaran masa hadapan dan memenuhi taksonomi kehendak JPN Perlis.

Pihak Arus ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPN Perlis, semua guru dan murid yang telah mengambil bahagian dalam program kami. Terutamanya, pihak kami ingin merakamkan penghargaan kepada Tuan Pengarah JPN Perlis yang sudi berikan peluang dan sokongan yang sepenuhnya kepada pihak kami untuk berkhidmat kepada warga-warga Perlis.

**Terima kasih, Perlis!**



David Chak
Pengasas Bersama
Arus Academy

# 04




# RUMUSAN EKSEKUTIF

Program Arus bersama JPN Perlis boleh dibahagikan kepada 4 kluster tema iaitu:

- Pendidikan STEM
- Literasi Kewangan
- Literasi Media dan Maklumat
- Pendidikan Kewarganegaraan Global (GCED)

**26** Bengkel Dalam Talian

**3,846** Peserta Keseluruhan

**107** Sekolah Perlis mengambil bahagian

16 Bengkel
1162 Peserta

1 Bengkel
58 Peserta

5 Bengkel
1879 Peserta

4 Bengkel
747 Peserta

> **Teaching is a life-long process same as well as learning**
>
> GOH KOK MING - Guru

# 05




# PROFIL PESERTA BENGKEL

**714** Lelaki
(21.6%)

**2584** Perempuan
(78.4%)

**42** Purata umur peserta




**705** Murid
(22.8%)

**3310** guru
(86.1%)




**5 subjek yang paling kerap diajar oleh peserta**

i. BAHASA MELAYU(15.3%)
ii. BAHASA INGGERIS (10.6%)
iii. MATEMATIK (10.4%)
iv. SAINS (8.8%)
v. PENDIDIKAN JASMANI (7.6%)

**Penyertaan sekolah tertinggi**

i. SMK ABI(85 peserta)
ii. SMK KUALA PERLIS (50 peserta)
iii. SMK TENGKU SULAIMAN (47 peserta)
iv. SK JALAN RAJA SYED ALWI (44 peserta)
v. SJK(C) KONG AIK (44 peserta)

# MAKLUM BALAS KESELURUHAN

Berdasarkan maklum balas yang diterima, sebanyak 86 peratus daripada peserta bengkel adalah guru. Majoriti peserta ialah perempuan iaitu sebanyak 78.4 peratus daripada keseluruhan peserta.

Purata umur bagi kesemua peserta pula ialah 42 tahun. Subjek yang paling kerap diajar oleh peserta ialah Bahasa Melayu, diikuti dengan Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Jasmani.

*"Program Arus bersama JPN Perlis boleh dibahagikan kepada 4 kluster tema, iaitu:"*

- Kluster STEM
- Kluster Literasi Kewangan
- Kluster Literasi Media dan Maklumat
- Kluster Kewarganegaraan Global

# 08 KESELURUHAN PROGRAM

## Profil Guru




Berdasarkan graf di atas, guru yang berada dalam lingkungan umur 41 hingga 43 menyumbang sebanyak 17 peratus daripada seluruh penyertaan.




Berdasarkan carta pai di atas, 78.4% penyertaan untuk program ini adalah dari kalangan guru Perempuan.




Berdasarkan graf bar di atas, sebanyak 31 peratus yang mengajar subjek bahasa di sekolah.

# 09 MAKLUMBALAS KESELURUHAN




Berdasarkan graf di atas, 67 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 69 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 76 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 75 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 77 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 71 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.

# 10 MAKLUMBALAS KESELURUHAN




Berdasarkan graf di atas, 75 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas




Berdasarkan graf di atas, 74 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 70 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 71 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 73 peratus dari semua guru memberikan skor 8 dan ke atas.




Berdasarkan graf di atas, 66 peratus dari semua guru berpendapat bahawa program yang disertai bermanfaat bagi mereka.

# 11 RUMUSAN KAJIAN:

**SEPANJANG TAHUN 2021, ARUS TELAH MENJALANKAN 26 BENGKEL KEPADA GURU.**

> *Secara keseluruhannya, **66 peratus** mengatakan bahawa program yang dijalankan oleh Arus Academy **bermanfaat** bagi mereka.*

Apabila ditanyakan tentang **kejelasan dari segi penyampaian dari tenaga pengajar/ fasilitator/ panel pengucap**, 76 peratus memberikan nilai 8 dan ke atas. Selain daripada itu, sebanyak 70 peratus mengatakan bahawa m**ereka yakin dapat menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh** dalam program-program yang dianjurkan oleh Arus Academy dalam pekerjaan mereka. Ini bermaksud sekurang-kurangnya 7 daripada 10 orang **guru boleh mengaplikasikan ilmu yang dipelajari** sama ada di dalam bilik darjah atau secara umum.

Seterusnya, apabila ditanyakan tentang **adakah mereka akan mengesyorkan program-program Arus kepada orang lain**, 44 peratus mengatakan ya. Secara kesimpulannya, purata sebanyak 72 peratus **guru mempunyai pandangan yang positif** terhadap program-program yang dijalankan oleh Arus Academy.

KLUSTER

# STEM

ARUS ACADEMY X JPN PERLIS




# AGENTS OF TECH

**(AOT) dicipta untuk memberikan inspirasi dan menarik minat murid dengan kemahiran teknologi.**

AOT adalah sebuah platform pembelajaran kendiri untuk memberi inspirasi kepada murid perempuan untuk meneroka kerjaya dalam bidang teknologi melalui 5 misi. 3,970 murid sudahpun memulakan misi AOT setakat 17 Mei 2022.

Setiap misi diperkenalkan oleh watak utama, Ejen Aliya. Dalam misi-misi tersebut, murid akan memainkan peranan sebagai Ahli Kriptologi, Detektif Pengesan Penipuan, Saintis Data dan juga Jurutera Reka Bentuk.

## 5 MISI AOT




### 1 KRIPTOGRAFI

Kriptografi ialah kajian yang melibatkan penciptaan dan penyelesaian kod. Murid akan mempertingkatkan keselamatan data peribadi dalam talian.




### 2 PENGESANAN

Pengesanan ialah keupayaan untuk menganalisis data untuk mengesan corak yang mungkin melibatkan penipuan.




### 3 SEMUA PERKARA DIGITAL

Semua perkara digital ialah kewujudan teknologi yang berbeza dalam satu peranti. Murid akan mempelajari asas kod binari dan biometrik.




### 4 DATA RAYA

Data Raya melibatkan 4 proses utama iaitu- mengumpul, menyusun, membersihkan dan menganalisis data yang banyak.




### 5 ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

Artificial Intelligence (AI) ialah teknologi yang boleh memproses sejumlah data yang banyak dalam masa pantas. Murid akan memahami AI dapat menyelesaikan masalah dunia yang kompleks.

# AGENTS OF TECH (AOT)

**Topik dalam AOT juga selari dengan subjek-subjek STEM di sekolah.**

| | Matematik | Sains | ASK | RBT |
|---|---|---|---|---|
| Cryptology | | | Tingkatan 3: Kriptografi dalam keselamatan data. | |
| Detection | Tahun 6: Kebolehjadian<br>Tingkatan 1: Pengendalian data.<br>Tingkatan 2: Sukatan Kecenderungan Memusat | | | |
| All Things Digital | Tingkatan 1: Pengendalian data. | Tahun 6 : Teknologi dan Kehidupan Lestari. | Tingkatan 1: Sistem nombor penduaan dan ukuran data. | Tingkatan 1: Dunia reka bentuk & teknologi. |
| Big Data | Tahun 4-6: Koordinat/ Pengurusan Data<br>Tingkatan 1: Pengendalian data.<br>Tingkatan 2: Sukatan Kecenderungan Memusat | | Tingkatan 1: Asas pemikiran komputasional. | |
| AI for Social Good | Tahun 4-6: Koordinat/ Pengurusan Data<br>Tingkatan 2: Kebarangkalian mudah. | Tingkatan 1: Langkah dalam penyiasatan saintifik<br>Tingkatan 2: Peranan manusia/ekosistem<br>Tingkatan 3: Perkembangan teknologi dalam penerokaan angkasa lepas | | Tingkatan 2: Penyelesaian masalah secara inovatif. |

# Aktiviti yang dijalankan

- Bengkel Pengenalan Agents of Tech kepada guru
- 3 bengkel cuti sekolah (murid) pada Julai 2021 (Maklum balas)
- 3 bengkel cuti sekolah (murid) pada September 2021(Maklum balas)
- 5 orang murid menyertai Pertandingan Ikon Inovasi Peringkat Kebangsaan (Julai-Oktober 2021)




# Penyertaan keseluruhan

## setakat 18 Mei 2022

Seramai 234 orang murid dari negeri Perlis telah menyertai program Agents of Tech melalui modul dalam talian yang boleh diakses di pelantar DELIMa.

***Laman web utama arus.cc/aot***

## Bengkel Pengenalan AOT

79 daripada 104 (75.96%) sekolah di Perlis hadir bengkel pengenalan program Agents of Tech pada 10hb Julai 2021.






## Bilangan murid Perlis yang mendaftar bengkel

153 orang daripada 221 orang murid (69.2%) daripada negeri Perlis berminat untuk menyertai bengkel cuti sekolah Agents of Tech pada tarikh berikut:

- 19 Julai 2021 (Isnin)
- 22 Julai 2021 (Khamis)
- 24 Julai 2021 (Sabtu)

## Pendaftaran murid sekolah rendah dan menengah

Bagi negeri Perlis, 83 murid adalah berumur 10 hingga 12 tahun (Sekolah Rendah) manakala 70 orang murid berumur 13 hingga 17 tahun (Sekolah Menengah)







## Penyertaan Program Cuti Sekolah

84 orang murid telah mengisi borang maklum balas bagi program Agents of Tech.

Sesi bengkel dibuka terhad kepada 90 orang sahaja bagi memastikan keberkesanan kandungan dan dapat disampaikan dengan lebih berfokus

17

# #PerlisBolehCode Tracker

| What is your school name? | Full Name | Age | Gender | Which |
|---|---|---|---|---|
| SMKA (P) ALAWIYAH KANGAR | SHARIFAH NUR FATINI BINTI SYED | 17 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMKA (P) ALAWIYAH KANGAR | SHARIFAH NUR FATINI BINTI SYED | 17 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA | NURDHIYA AISYA BINTI AZLI | 14 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMK SYED AHMAD | MUHAMMAD SYAKIR | 13 | Male/ Lelaki | Perlis |
| SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA | AUNI NUR ASYIQIN BT. MOHD NOR | 14 | Female/ Perempuan | Perlis |
| Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra | Nur Amani Fathiah binti Mohd Fuad | 13 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMK Arau | Nur Ummi Hanim binti Mohd Izzat | 16 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMK ARAU | Dayana batrisyia binti mohd haslin | 16 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMK Arau | Nur Ummi Hanim binti Mohd Izzat | 16 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SM SAINS TUANKU SYED PUTRA | Nurin Batrisyia Binti Nor Azlin | 15 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SM SAINS TUNKU SYED PUTRA | FARIS YASIR BIN AHMAD TAUFIK | 13 | Male/ Lelaki | Perlis |
| Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra | MUHAMMAD IQBAL ZAFREE B. SUI | 14 | Male/ Lelaki | Perlis |
| SMK TUANKU LAILATUL SHAHREEN | SYED NUR ARIF BIN SYED SYAHRI | 14 | Male/ Lelaki | Perlis |
| SMK TUANKU LAILATUL SHAHREEN | SYED NUR ARIF BIN SYED SYAHRI | 14 | Male/ Lelaki | Perlis |
| SMK AGAMA (P) ALAWIYAH | MIRRAH ADRIANA BINTI MARZUKI | 14 | Female/ Perempuan | Perlis |
| Smk Syed alwi | NURUL SYAMIMI BINTI KHARUDIN | 17 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SK STELLA MARIS | ULFA ALIFA BINTI ABDUL RABTAMI | 10 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KETERI | HARIZ SAFWAN BIN RAZI | 11 | Male/ Lelaki | Perlis |
| SMKA(P) ALAWIYAH | SITI NURSYAFIRA BINTI AHMAD YA | 15 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SMK Agama Perempuan Alawiyah | NURIN RAHWANI BT HASRAN | 14 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SK Putra | Nur Iman Arisya Bt Faizul | 10 | Female/ Perempuan | Perlis |
| SK Putra | Nur Iman Amani Bt Faizul | 10 | Female/ Perempuan | Perlis |

## Antara sekolah dengan penyertaan tinggi :

**96%** murid akan mengesyorkan Agents of Tech kepada rakan-rakan lain.

- **SMK AGAMA(P) ALAWIYAH**
- **SK PUTRA KANGAR**
- **SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA**
- **SJKC KHOON AIK**
- **SMK ARAU**
- **SK JEJAWI**
- **SK ORAN**

## Penyertaan Program Cuti Sekolah

84 orang murid telah mengisi borang maklum balas bagi program Agents of Tech.

Sesi bengkel dibuka terhad kepada 90 orang sahaja bagi memastikan keberkesanan kandungan dan dapat disampaikan dengan lebih berfokus




Maklumat terperinci dan maklum balas boleh didapati di https://arus.cc/PBCAOTtracker .

> 1.Lakukan program ini setiap minggu.
> 2.Menggunakan aplikasi lain selain zoom seperti Google Meet

**Auni Insyierah Binti Mohammad Ridhuan, (12 tahun),
SK Putra Kangar**




> Sediakan lebih banyak aktiviti,
> lanjutkan masa kerana sangat seronok.

**Lee Le Qin (12 tahun), SJKC Khoon Aik**

> Mahu belajar lagi bagaimana ada orang yang boleh
> menceroboh sesuatu yang mempunyai kod peribadi.

**Noorfiza Azwati binti Hassan (13 tahun),
SMK Dato' Sheikh Ahmad**




Rakaman bengkel **https://arus.cc/AOTrecording**

> It is very good for this useful and
> interesting programme. I enjoy it
> very much~

**Ang Yee Quen (13 tahun), SMK DERMA**

> Saya rasa program ini harus diteruskan lagi dan banyakkan lagi
> untuk golongan muda sekarang khususnya buat wanita.

**Khairunnisa Adriana binti Abd Razak (15 tahun)
SMK Dato' Sheikh Ahmad**

KLUSTER

# LITERASI KEWANGAN

ARUS ACADEMY X JPN PERLIS



# LITERASI KEWANGAN

Guru Celik Kewangan **menekankan aspek-aspek literasi kewangan untuk individu dewasa** yang juga dimuatkan **dengan inspirasi integrasi bilik darjah**.

Selain meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kewangan diri sendiri, guru juga boleh meningkatkan keyakinan untuk berkongsi kemahiran dengan anak murid.

**Peluang Peningkatan Kompetensi:**
Peserta Kursus Guru Celik Kewangan mendapat maklumat awal dan prioriti penyertaan latihan sokongan seperti *masterclass* dan pertandingan berkaitan Guru Celik Kewangan.

**Tempoh Penyertaan:**
Terbuka sepanjang tahun.

# 21







**6** Modul Literasi Kewangan Dalam Talian

**4** Jam Latihan Perkembangan Kendiri

## AKAN DATANG

**Modul Kajian Tindakan Pendidikan Kewangan**
Tarikh Pelancaran: **1 Jun 2022**

# Kursus Guru Celik Kewangan

## Maklumat Penyertaan

Pada tahun 2021, kami telah berjaya mendapatkan penyertaan daripada guru-guru dari seluruh Malaysia.

Penyertaan Guru Perlis




**PERLIS**
**148**
**GURU**

***Portal kursus** arus.cc/gck*

**55%** Guru Perlis yang menyertai Kursus GCK terdiri daripada guru Sekolah Rendah

**4** daripada 10 guru peserta mengajar subjek Matematik

“...pengalaman dan ilmu yang sekian lama tidak diambil kisah. Terima kasih atas usaha untuk mendidik golongan guru untuk mempunyai asas pengetahuan kewangan...”

**Cikgu Kirheba Murugan A/L Krishnan,**
**SJK(T) Kangar.**




**78%** guru bersetuju modul Guru Celik Kewangan membantu mereka menguasai pengetahuan & kemahiran literasi kewangan.




**89%** guru bersetuju modul Guru Celik Kewangan memberi manfaat kepada mereka sebagai pendidik.




**89%** guru bersetuju akan mengaplikasi pengetahuan & kemahiran literasi kewangan dalam pengajaran mereka.




**89%** guru bersetuju untuk mengesyorkan modul ini kepada rakan-rakan guru yang lain.

"Sebarkan ke semua peringkat kerana modul sangat berguna".

**Cikgu Mazlina binti Mahdzir,**
**SK Kubang Gajah**

# RINGKASAN PROGRAM



**331**
Peserta
Dalam Talian

## SESI BERSAMA PERLIS:
## GURU PERLIS CELIK KEWANGAN

ini dijalankan bersama JPN Perlis untuk menghebahkan Kursus Guru Celik Kewangan kepada warga pendidik Perlis. Peserta diperkenalkan kepada pengisian kursus dan berpeluang bersoal jawab dengan penganjur.

**Tarikh:** 30.07.2021 | **Masa:** 3-4 Petang | **Platform:** MS Team & Youtube



**124**
Peserta
Dalam Talian

## SESI BERSAMA PERLIS:
## GURU PERLIS CELIK KEWANGAN

Guru-guru Perlis bersama-sama mengeksplorasi modul Guru Celik Kewangan dengan pembina modul dari Fun(d) for Life.

**Tarikh:** 26.08.2021 | **Masa:** 3-5 Petang | **Platform:** MS Team & Youtube

# RINGKASAN PROGRAM




## MASTERCLASS#1:
## SCAM KEWANGAN

**Tarikh:** 14.08.2021
**Masters:** Jabatan Telelink & Pejabat BNM




## MASTERCLASS#2:
## MENGHARUNGI CABARAN KREDIT & PENGURUSAN KEWANGAN

**Tarikh:** 21.08.2021
**Masters:** AKPK




## MASTERCLASS#3:
## TAKAFUL & KONSEP PERLINDUNGAN

**Tarikh:** 28.08.2021
**Masters:** FWD Takaful




## MASTERCLASS#4:
## SILAP LABUR DUIT LEBUR

**Tarikh:** 04.09.2021
**Masters:** Suruhanjaya Sekuriti Malaysia




## MASTERCLASS#5:
## INOVASI BILIK DARJAH - BINA APP DENGAN THUNKABLE

**Tarikh:** 18.09.2021
**Masters:** Arus Tech

# MASTERCLASS FFL
# GURU CELIK KEWANGAN

Siri *Masterclass* oleh pakar dari industri kewangan disediakan khas buat peserta yang menyertai Kursus Guru Celik Kewangan.

**Tarikh:** 14.08.2021 - 18.09.2021
**Platform:** Zoom

**5** Siri Masterclass

**27%** Guru peserta dari Perlis

# RINGKASAN PROGRAM

## PERTANDINGAN IMPIAN CELIK KEWANGAN




**12**
Finalis
Seluruh Malaysia




**3**
Pemenang
Geran Projek

**Pertandingan Impian Celik Kewangan** mengetengahkan inovasi bilik darjah dan sekolah dalam pendidikan kewangan oleh guru-guru.

3 pemenang daripada 12 finalis terpilih telah memenangi geran sehingga RM10,000 setiap guru bagi mengembangkan projek Fun(d) for Life mereka.

**Tarikh:** 23.10.2021 | **Platform:** Zoom & Youtube

"Saya membina inovasi digital ini untuk membantu murid-murid yang menghadapi cabaran untuk membuat operasi tambah dan tolak yang penting dalam merekod perbelanjaan harian, dalam kalangan *slow learners*."



**Cikgu Paramesswaran Gunasegaran, SJK(T) Kangar, Perlis**
**Pemenang Pertandingan Impian Celik Kewangan.**
**Aplikasi Mobil - DeTouch.**

# RINGKASAN PROGRAM

## GLOBAL MONEY WEEK 2022: *MASTERCLASS* OLEH GURU INSPIRASI FFL







Demo Kelas sempena Global Money Week 2022 menampilkan Guru Inspirasi FFL, Cikgu Paramesswaran Gunasegaran dari SJK(T) Kangar yang juga pemenang geran pertandingan Impian Celik Kewangan. Demo kelas penggunaan inovasi DeTouch beliau dikongsi dalam sesi Bahasa Tamil.

**Tarikh:** 23 Mac 2022 | **Masa:** 3 - 4 Petang | **Platform:** Youtube & Facebook Live

**219**
**Peserta Sesi Cikgu Paramesswaran**

“Pengajaran Matematik melalui permainan. Memudahkan. Cara mengajar sangat menarik. Program yang bermanfaat.”

**Cikgu Komala A/P Rangarau. SJK(T) Kangar.**

**2,195**
**Tontonan di Youtube**

“Program inovasi yang bagus. Kepelbagaian cara menyampaikan PdPc. Jom celik kewangan!”

**Rosmani binti Man, SK Dato Kayaman.**

**73.3%**

**Peserta webinar memberi skor 9 dan ke atas apabila ditanya jika mereka akan mengesyorkan program ini kepada guru lain**

## KUIZ KECIL-KECIL, CELIK DUIT

**adalah satu pertandingan kuiz untuk murid bagi menarik minat mereka untuk belajar ilmu pengurusan wang melalui siri video 'Kecil-Kecil, Celik Duit'.**

**491**
Peserta daripada 48 buah sekolah

**RM1,900**
Hadiah wang tunai dimenangi






# 30 SENARAI PEMENANG

**SENARAI PEMENANG!**

**Kategori Individu:**

Pertama RM200: Lee Jing Ning, SJKC Khoon Aik

Kedua RM150: Lim Ee Lyn, SJK (C) Sin Min

Ketiga RM100: Nur Uzma Dalilah, SMK Agama Arau

**Kategori Individu:**

Pertama RM200: Lee Jing Ning, SJKC Khoon Aik

Kedua RM150: Lim Ee Lyn, SJK (C) Sin Min

Ketiga RM100: Nur Uzma Dalilah, SMK Agama Arau

**SENARAI PEMENANG SAGUHATI: RM50 SETIAP PESERTA**

**Kategori Saguhati:**

- MUHAMMAD ANDZAR DURRANI BIN DIASIN, SEKOLAH TENGKU BUDRIAH
- NIK MUHAMMAD LUQMAN HAKIM BIN NIK MOHD FARIZAN SK GUAR JENTIK
- AQEEF BIN AMIRULHAFIS SMK AGAMA ARAU
- HANINA BINTI OTHMAN SK BOHOR MALI
- ALIF EMRAN BIN AHMAD FIRDAUS SK GUAR JENTIK

**PEMENANG KATEGORI SEKOLAH**

Bagi sekolah yang mempunyai jumlah PENYERTAAN LENGKAP tertinggi

Pemenang Utama (RM500)
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI TUNJONG

Pemenang Kedua (RM400)
SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR JENTIK

Pemenang Ketiga (RM300)
SEKOLAH KEBANGSAAN TUNKU BUDRIAH

KLUSTER

# LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

ARUS ACADEMY X JPN PERLIS

# LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT



Pendidikan literasi media dan maklumat (LMM) telah menjadi salah satu kemahiran wajib dalam dunia era maklumat ini.

Pihak Arus Academy telah melancarkan satu inisaitif kebangsaan yang dinamakan Media Education For All (ME4A)

Inisiatif ME4A merangkumi 3 aspek, iaitu:

- Membina **kapasiti** guru dalam pendidikan LMM melalui bengkel dan kursus kendiri Media Education Academy (MEA)
- Mewujudkan **Bank Sumber** guru dalam pendidikan LMM melalui cabaran pelan pengajaran
- Mewujudkan **rangkaian** pendidik yang berminat dalam pendidikan LMM

Sepanjang 2021, di bawah inisiatif ME4A telah berjaya mencapai:

**24** bengkel atas talian
**5,999** peserta bengkel atas talian
**272,000** kunjungan pada kursus MEA
**4,222** enrolmen di kursus MEA
**968** lengkap kursus MEA
**199** penyertaan cabaran MEA
**49** bahan dalam bank sumber
**1,219** capaian bahan sumber
**281** ahli dalam rangkaian pendidik



**Bagi negeri Perlis, kami telah menjalankan 5 bengkel bersama guru-guru di Perlis dan guru-guru di luar Perlis juga turut dijemput sertai.**

Bengkel-bengkel tersebut adalah:

| Tarikh Bengkel | Jumlah Kehadiran |
|---|---|
| 11hb Ogos 2021 | 120 |
| 13hb Ogos 2021 | 896 |
| 23hb Ogos 2021 | 474 |
| 3hb September 2021 | 273 |
| 3hb September 2021 | 116 |
| **Jumlah** | 1,879 |




Contoh poster yang dihasilkan

Selain daripada penceramah dari pihak ME4A, kami juga dapat menjemput para TikTok guru terkenal dan juga guru-guru handal dari Perlis sebagai penceramah kami.

Daripada 1,879 peserta bengkel, **517 adalah dari negeri Perlis dan merangkumi 65 buah sekolah.**

Secara puratanya, skor dari borang maklum balas adalah amat positif. **Hampir 5 dari 10 peserta bersetuju bahawa mereka akan mengesyorkan bengkel-bengkel kami kepada rakan sekerja mereka.**

Skor ini adalah diukur dari pelbagai segi seperti tahap kefahaman, tahap keseronokan melibatkan diri dan lain-lain. Maklumat lanjut mengenai setiap metrik ukuran dan skor purata boleh dilihat di halaman seterusnya

# 34




Skor Purata Bagi Keberkesanan Bengkel
10
9
8
7
6
5
4
3
2
1
T15-Saya dapat memahami dan mengikuti sesi ini.
T16-Saya seronok melibatkan diri dalam sesi ini.
T17-Penyampaian yang jelas dari tenaga pengajar/ fasilitator/panel pengucap.
T18-Aktiviti di bengkel ini menarik.
T20-Saya dapat belajar perkara baru hari ini.
T21-Program ini menepati jangkaan saya.
T22-Program ini sesuai dengan keperluan perkembangan profesional saya.
T23-Saya mendapat inspirasi untuk mencipta masa depan yang lebih baik untuk semua dengan menggunakan kemahiran yang telah saya pelajari hari ini.
T24-Saya yakin dapat menerapkan kemahiran dan pengetahuan yang saya perolehi dalam program ini dalam pekerjaan saya.
T25-Saya berhasrat untuk menerapkan kemahiran dan pengetahuan yang saya perolehi di bilik darjah saya.
T26-Saya akan mengesyorkan program ini kepada orang lain.
Series1
8.17
8.32
8.48
8.48
8.6
8.25
8.47
8.42
8.29
8.33
8.46

# 35



Dalam bengkel-bengkel yang kami anjurkan, kami juga mengesyorkan guru untuk menyertai kursus Media Education Academy yang bertempat di DELIMA (arus.cc/MEA).

**Terdapat 408 enrolmen guru Perlis di MEA dan Perlis merupakan negeri ketiga tinggi di seluruh Malaysia di MEA.**

**Daripada 408 enrolmen ini, 60 guru (14.7%) telah berjaya lengkapi kursus dan dapat sijil MEA.**

Bagi menggalakkan enrolmen pada kursus MEA< kami juga menjalankan pertandingan di antara sekolah untuk enrolment tertinggi di setiap sekolah. **5 dari 7 pemenang pertandingan ini adalah sekolah-sekolah dari negeri Perlis.**




Senarai pemenang pertandingan enrolmen



Walaupun pihak ME4A tidak bekerjasama secara terus bersama JPN Perlis bagi Pertandingan Cabaran MEA (pertandingan pelan pengajaran) dan juga penubuhan rangkaian pendidik literasi media dan maklumat, namun, pihak kami tetap dapat penyertaaan daripada guru-guru Perlis. Penyertaan guru-guru Perlis adalah seperti berikut:

### 17 penyertaan cabaran MEA

### 11 ahli dalam rangkaian kebangsaan pendidik

Ini menunjukkan bahawa benih yang disemai oleh pihak ME4A tetap terus bertumbuh walaupun tiada usaha aktif untuk menyiramkannya.

**Pihak ME4A berharap boleh teruskan kerjasama bersama JPN Perlis untuk terus lagi memperkasakan kemahiran LMM para guru dan murid pada tahun 2022 juga.**













Tangkap layar pelbagai bengkel ME4A
bersama warga JPN Perlis

# KLUSTER
## KEWARGANEGARAAN
# GLOBAL

ARUS ACADEMY X JPN PERLIS










# GLOBAL CITIZENSHIP EDUCATION

**(GCED) memperkasa murid untuk memainkan peranan aktif lokal dan juga secara global untuk membantu membina masyarakat yang aman, bertoleransi, inklusif dan selamat untuk semua.**

Program ini berpandukan Sasaran Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) yang merupakan sasaran bersama untuk dicapaikan oleh semua negara menjelang tahun 2030.

Pihak Arus telah berkolaborasi dengan Bahagian EPRD di KPM untuk membina lebih daripada 20 Pelan PBL di DELIMA dan kini pihak kami ingin mengembangkan lagi usaha kami untuk memperkasakan guru untuk melaksanakan GCED di bilik darjah diri dan memupuk kepimpinan murid untuk menghasilkan projek berimpak tinggi di komuniti masing-masing.

# OBJEKTIF GCED



1. Meningkatkan kesedaran guru-guru di Perlis mengenai pendidikan kewarganegaraan global.

2. Membina kapasiti guru-guru di Perlis dalam pelaksanaan PBL serta GCED di bilik darjah.

3. Membina kemahiran guru (TOT) untuk memupuk semangat dan kemahiran kepimpinan kepada murid dalam pelaksanaan projek berimpak di komuniti masing-masing.

4. Memberi pelantar kepada murid untuk menguruskan projek / event bagi tujuan penambahbaikan komuniti mereka.